

# Letak jawatan MB Rahim serah pada PM

Oleh SHAROM SUBOH

**TEMERLOH, Khamis** — Haji Abdul Rahim Abu Bakar hari ini berkata beliau masih belum dapat mengesahkan sama ada akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Pahang atau tidak.

"Saya tidak terperanjat dengan berita yang disiarkan oleh Berita Harian hari ini," kata Haji Abdul Rahim.

Menurut laporan akhbar ini hari ini, Haji Abdul Rahim diduga meletakkan jawatannya tidak lama lagi dan mungkin bulan depan.

"Semuanya mungkin terjadi," ujar Haji Abdul Rahim lagi ketika diminta mengesahkan berita tersebut.

Haji Abdul Rahim meletakkan segala keputusan tentang kedudukannya sebagai Menteri Besar Pahang dan kedudukan dalam arena politik kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga belum dapat mengesahkan tentang tarikh sebenar temuannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir bagi membincangkan kedudukannya itu.

Kedudukan Haji Abdul Rahim menjadi kontroversi dalam arena politik negeri Pahang. Terdapat bantahan dari golongan tertentu tentang perlantikannya dan ini mencetuskan krisis demi krisis dalam kepimpinan politik Pahang.

Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa Haji Abdul Rahim mendapat sokongan bulat dari rakyat.

Beliau pernah mengesahkan yang ia akan pergi — mungkin maksudnya meninggalkan jawatan sebagai Menteri Besar.

Haji Abdul Rahim juga pernah memberitahu semasa di Kuantan beberapa bulan lalu ia tidak risau meletakkan jawatannya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No

No